

Uranus: Seri Zamrud di Kejauhan

written by Hazrul | 07/06/2023

Daripada segi saiz, Uranus bersaiz kira-kira empat kali lebih luas daripada Bumi. Jika [Bumi](#) ialah sebuah epal besar, Uranus pula bersaiz seperti bola keranjang.

Uranus merupakan planet ketujuh dari [Matahari](#), mengorbit pada jarak kira-kira 1.8 bilion batu (2.9 bilion kilometer). Planet ini sama seperti [Musytari](#) dan [Zuhhal](#), iaitu mempunyai hari yang pendek tetapi tahun yang panjang. Uranus mengambil masa kira-kira 17 jam untuk berputar sekali di atas paksinya, dan mengambil masa 84 tahun Bumi untuk melengkapkan satu putaran orbit mengelilingi Matahari.

Uranus adalah planet gergasi ais. Kebanyakan jisim planet ini terdiri daripada cecair panas dan padat, bahan “berais” – seperti air, [metana](#) dan [ammonia](#). Planet ini mempunyai atmosfera yang kebanyakannya terdiri daripada molekul [hidrogen](#) (H_2) dan atom [helium](#) (He) dengan sedikit [metana](#) (CH_4).

Uranus juga adalah salah satu planet yang mempunyai banyak bulan. Kini, Uranus mempunyai 27 bulan yang telah diketahui. Nama bulan-bulan ini dinamakan bersempena nama watak-watak daripada karya [William Shakespeare](#) dan [Alexander Pope](#).

Versi Bahasa Inggeris bagi artikel ini boleh didapati di laman web [NASA](#), Solar System Exploration Our Galactic Neighbourhood, Uranus

Disediakan oleh:

Rashid Ating

Penyelidik di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, dan di Institut Pengajian Termaju (IAS), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.